

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.(PB) 10.12/14 (18)

Tarikh:

2 November 2004

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/ 2004

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

PEROLEHAN TIDAK MENGIKUT PERATURAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kepada Pengurus-pengurus Bahagian mengenai peolehan yang tidak mengikut peraturan.
- 1.2 Berdasarkan semakan yang dibuat oleh Pejabat Bendahari, perolehan tidak mengikut peraturan sering berlaku di PTJ dan melibatkan staf Universiti.
- 1.3 Pengurus-pengurus Bahagian diminta memaklumkan dan mengingatkan semua staf di PTJ masing-masing agar sentiasa mengikut pekeliling perolehan yang sedang digunapakai bagi memastikan perbelanjaan cekap dan berhemah sentiasa dilaksanakan.

2.0 PEROLEHAN YANG DIKATEGORIKAN TIDAK MENGIKUT PERATURAN

- 2.1 Perolehan Bekalan & Perkhidmatan secara terus dibawah RM10,000.00 yang dilakukan tanpa kelulusan Pengurus Bahagian, tanpa Pesanan Rasmi dan tidak merujuk Pegawai Kewangan PTJ bagi memastikan peruntukan mencukupi.
- 2.2 Perolehan Kerja dibawah RM20,000.00 yang dilakukan tanpa Inden dimana Kontraktor terus dipanggil membuat kerja sebelum mendapat kelulusan secara bertulis dari Pengurus Bahagian dan tidak merujuk kepada pegawai yang menjaga kewangan di PTJ bagi memastikan peruntukan mencukupi.

- 2.3 Perolehan yang dilakukan terlebih dahulu dan tanpa kelulusan serta pengeluaran Inden dan Pesanan Rasmi dibuat kemudian samada dalam tahun kewangan yang sama atau melepasi tahun kewangan yang berkenaan.
- 2.4 Staf membuat tempahan jamuan tidak melalui Pejabat Am PTJ dan tidak memaklumkan kepada staf yang menjaga kewangan.
- 2.5 Menjalankan tugas rasmi yang tidak dimaklumkan kepada staf yang menjaga kewangan di PTJ. Keadaan ini sering berlaku dimana peruntukan didapati tidak mencukupi apabila proses pembayaran hendak dibuat.
- 2.6 Perbelanjaan menggunakan Panjar Wang Runcit. Staf sering membuat perbelanjaan terlebih dahulu tanpa membuat pengesahan terlebih dahulu daripada staf dan pegawai yang menjaga panjar.

3.0 TINDAKAN

- 3.1 Pengurus-pengurus Bahagian hendaklah memantau semua perolehan dan memastikan staf mematuhi peraturan.
- 3.2 Tindakan meminta staf membayar sendiri bil-bil yang berkenaan akan dilaksanakan jika terbukti kesalahan mereka.
- 3.3 Tindakan surcaj juga boleh dikenakan sekiranya ketidakpatuhan ini berulang.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan perlu digunapakai kepada semua staf Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar memberikan perhatian serius dan memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

.....
HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎ 6007

- s.k
1. Yg. Bhg Rektor
 2. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)
 3. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik)
 4. Ketua Unit Audit Dalam